

Lawatan PM kukuhkan hubungan

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memulakan lawatan rasmi buat julung kali ke Indonesia selama tiga hari bermula semalam sehingga Khamis ini.

Beliau diiringi Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Delegasi yang diketuai Perdana Menteri itu mengenangkan batik Malaysia sebagai pakaian rasmi lawatan berkenaan.

“Antara program lawatan ini, Perdana Menteri dijadual mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Indonesia, Joko Widodo,” jelas kenyataan Wisma Putra semalam.

Lawatan itu bakal membuka lembaran baharu hubungan dua hala dalam pelbagai bidang sedia kukuh antara Malaysia dan Indonesia sejak sekian lama.

Ia juga memberi peluang kepada kedua-dua pemimpin negara untuk meneroka peluang kerjasama dalam usaha pemulihan daripada kesan wabak Covid-19 yang melanda tahun lalu.

Kedua-dua pemimpin juga membincangkan isu penting serantau dalam konteks kerjasama ASEAN serta cabaran yang boleh menjejaskan lagi



ISMAIL Sabri Yaakob diiringi Saifuddin Abdullah (dua dari kanan), Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz (dua dari kiri) dan Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman tiba untuk lawatan rasmi ke Indonesia di Jakarta, semalam.

keamanan dan kemakmuran.

“Perdana Menteri juga akan mengadakan perjumpaan dengan komuniti perniagaan dan pemain industri utama Indonesia selain diaspora Malaysia di negara itu,” kata Wisma Putra.

Beliau dijangka membuat pertemuan dengan ketua-ketua editor media republik itu di samping melawat fasiliti peru-

sahaan pertahanan Indonesia di Bandung, Wilayah Jawa Barat.

Ismail Sabri juga akan hadir menyaksikan pemeteraian beberapa memorandum persefahaman dan perjanjian antara dua negara itu dengan pelbagai pihak.

Lawatan rasmi tersebut, jelas Wisma Putra, dilaksanakan dengan pematuhan prosedur

operasi standard ketat Covid-19 yang ditetapkan bersama oleh kerajaan Malaysia dan Indonesia.

Dua negara jiran serumpun itu selain menganggotai ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), turut menyertai Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM).